

13 JUN 2002

Utusan-Malaysia/I

PAKISTAN SEDIA BERDIALOG SELESAI ISU DENGAN INDIA, KATA UTUSAN KHAS

Oleh: Ahmad Fuad Yahya

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Pakistan mahu Malaysia memainkan peranan dalam memastikan tumpuan berterusan masyarakat antarabangsa di Asia Selatan bagi membantu India dan Pakistan menyelesaikan masalah Kashmir.

Utusan Khas Pakistan Najmuddin A. Shaikh berkata perhatian itu diperlukan bagi mengelakkan konflik di rantau itu menjadi lebih buruk.

"Dengan ketiadaan tumpuan seumpama itu dan ketiadaan usaha berterusan oleh masyarakat antarabangsa untuk membantu India dan Pakistan menyelesaikan masalah itu, Asia Selatan akan terus bergolak dan mungkin akan menjadi apa yang pernah diperkatakan oleh bekas Presiden Amerika Syarikat (Bill) Clinton, lebih spesifiknya ialah masalah Kashmir, sebagai peletus," katanya dalam satu temubual dengan Bernama di sini.

Najmuddin berkata beliau juga telah meminta Malaysia mengulangi gesaan yang dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mengundurkan atau mengeluarkan pasukan tentera dari sempadan dan bagi diadakan dialog antara India dan Pakistan.

Utusan khas itu berada di sini bagi menyerahkan sepucuk surat dari Presiden Pakistan Pervez Musharraf kepada Dr Mahathir, menggariskan perspektif Pakistan mengenai isu itu.

Surat itu diserahkan kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di pejabatnya di Putrajaya semalam kerana Perdana Menteri sedang melakukan lawatan kerja ke Luxembourg.

Mengenai peranan pihak ketiga dalam konflik Kashmir, diplomat yang telah bersara itu berkata Pakistan sentiasa menerima campurtangan pihak ketiga bagi membantu India dan Pakistan menyelesaikan isu-isu antara kedua negara terutamanya isu Jammu dan Kashmir.

"Kami mempunyai perjanjian dengan India yang ditandatangani pada 1972, dikenali sebagai Perjanjian Simla yang menyatakan bahawa Pakistan dan India akan bermesyuarat, berbincang dan mencapai penyelesaian muktamad mengenai Kashmir.

"Tiga puluh tahun telah berlalu, kami telah mengadakan beberapa rundingan tetapi tiada satu daripadanya yang substantif atau berhasil.

"Jadi kami fikir bahagian dua hala itu telah terbukti tidak berhasil, malahan dalam sejarah kami, dua perjanjian yang telah dicapai oleh India dan Pakistan, kedua-duanya dicapai melalui pengantara antarabangsa atau campurtangan antarabangsa," katanya.

Berdasarkan keadaan itu, beliau berkata Pakistan percaya bahawa pegawai pengantara yang baik dan dipermudahkan oleh kumpulan antarabangsa atau pihak ketiga, mungkin Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, pertubuhan serantau lain atau sebuah negara.

"Berkenaan dengan Malaysia, Malaysia yakin dengan Pakistan, Malaysia adalah rakan kepada India dan Pakistan, dan daripada perspektif Pakistan, kami tiada bantahan untuk Malaysia memainkan peranan sebagai pihak ketiga dan membantu India dan Pakistan menyelesaikan masalah ini," katanya.

Beliau bersetuju dengan pandangan Dr Mahathir bahawa perlu diadakan dialog antara kedua-dua negara dan bahawa campurtangan pihak ketiga hanya diperlukan jika dialog itu terbukti merupakan perbincangan dua hala yang tidak produktif.

Beliau berkata dialog antara India dan Pakistan sepatutnya mencapai penyelesaian yang selaras dengan hasrat dan kehendak penduduk Kashmir dan diterima oleh mereka.

Najmuddin juga berkata Pakistan tidak akan membantah cadangan lawatan

oleh negara-negara Komanwel bagi mengadakan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin India dan Pakistan untuk mengusahakan penyelesaian yang memuaskan terhadap masalah itu bagi kedua-dua negara.

-- BERNAMA

AFY AZZ RHM